

PM lancar program satu keluarga, satu kaunselor Ahad ini

UM - 1/2/2007

SEREMBAN 31 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan program 'satu keluarga satu kaunselor' di Hotel Royal Adelphie di sini, Ahad ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, program tersebut dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Majlis Tertinggi UMNO.

Beliau berkata, ia diadakan bagi mengatasi masalah sosial yang kian meruncing di negara ini.

"Buat permulaan setiap UMNO negeri akan menghantar empat orang wakil bagi mengikuti latihan sebagai kaunselor kemudian kita akan meminta setiap bahagian menghantar 10 wakil untuk mengikuti program yang sama.

"Kita mahu ada lebih ramai kaunselor dan ia perlu bermula daripada keluarga ahli UMNO supaya dijadikan contoh kepada orang lain.

"Masalah sosial yang berlaku ini bermula daripada keluarga, oleh itu kita mahu setiap keluarga mempunyai sekurang-kurangnya seorang kaunselor," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Mohamad berkata, ia akan bermula dari pukul 2.45 petang dan Perdana Menteri dijangka merasmikan program tersebut kira-kira pukul 4.15 petang.

Katanya, lebih 3,000 ahli UMNO dari seluruh negara dijangka hadir pada program tersebut.

Pengerusi Biro Pembangunan Sosial, Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Shahrizat Jalil yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dilantik sebagai pengerusi program itu.